



1. JAWATAN	: KETUA PENYUNTING ENG
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Elektronik / *Communication Media / Media Studies / Film and Tv Production / Cinematography / Photography / Kewartawanan / Video Editing / Penulisan Kreatif / Computer Studies / Information Technology (IT)* atau bidang bersesuaian.

b) **TANGGAGAJI B.2:**

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Elektronik / *Communication Media / Media Studies / Film and Tv Production / Cinematography / Photography / Kewartawanan / Video Editing / Penulisan Kreatif / Computer Studies / Information Technology (IT)* atau bidang bersesuaian seta sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

ii) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penyunting ENG Kanan / Jurukamera ENG Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU


iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun.



2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.
4. Mempunyai sikap kepimpinan yang tinggi dalam membimbing dan mengawas pegawai / kakitangan di bawah jagaan.
5. Berpengetahuan serta mahir dalam penggunaan *Non-Linear Editing* dan perisian-perisian yang berkaitan seperti *Adobe Premier*, *Final-Cut Pro*, *Video Softwork Final-Cut Pro* dan sebagainya.
6. Mempunyai pengalaman serta cekap dalam hal ehwal pengawasan di bidang penyuntingan / teknik penyuntingan terkini / penyiaran / kewartawanan.
7. Peka serta mempunyai pengetahuan yang meluas dalam hal ehwal serantau dan dunia.
8. Mempunyai profesionalisma dan kemahiran yang tinggi dalam mengendalikan tugas-tugas yang berkaitan dengan hal ehwal ENG.
9. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA PENYUNTING ENG :

1. Mengetuai dan mengawasi Unit Penyuntingan ENG termasuk kakitangan, alat-alat kelengkapan penyuntingan dan juga tugas-tugas penyuntingan ENG dari semasa ke semasa.
2. Bertanggungjawab dalam mengawas dan memastikan penyuntingan skrip-skrip berita / rancangan-ancangan khas dan sebagainya dijalankan dengan sempurna, terkawal pada tahap mutu yang tinggi dan bebas dari sebarang kesilapan (*zero defect*) samaada bagi penyiaran dari dalam dan luar negeri.
3. Membimbing penyunting-penyunting ENG yang baru berkhidmat disamping memberikan kemahiran teknik yang tinggi kepada kesemua penyunting-penyunting ENG yang berkenaan dari semasa ke semasa bagi memastikan taraf kualiti kerja yang tinggi dapat dicapai.



4. Menghadiri mesyuarat-mesyuarat berkenaan yang dikendalikan oleh Bahagian Berita, Hal Ehwal Semasa dan Sukan/ Bahagian Rancangan Tv dimana ianya melibatkan para penyunting ENG yang berkenaan.
5. Memastikan bahawa bahan-bahan berita / rancangan yang hendak disiarkan adalah tidak bertentangan dengan garis panduan penerbitan berita / rancangan tv yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.
6. Merancang dan melaksanakan perkembangan serta pembaharuan dari semasa ke semasa untuk menjadikan siaran berita / rancangan yang berkenaan lebih bermutu.
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.